

# Pengalaman bermalam di hutan dengan Forest Stay

KOSMO 19/9/12  
M.S.C.

Oleh ROSLI HASSAN  
rosli.hassan@kosmo.com.my

**F**OREST Stay yang terletak di Taman Botanical, Ayer Keroh, Melaka bakal menyajikan pengalaman unik bermalam dan beriadah bersama keluarga atau rakan-rakan di tengah suasana kedamaian hutan hujan tropika di bandar raya Melaka.

**Platform**

Merasai sendiri nyaman udara serta kehijauan alam semulajadi di hutan rekreasi seluas 100 hektar itu, pasti mengujakan setiap pengunjung yang mahu mencari ketenangan serta lari daripada hiruk-pikuk kota.

Bagi peminat alam semulajadi yang sangat menghargai kehijauan alam dan kedamaian hutan, Forest Stay merupakan lokasi paling ideal bagi mereka.

Lokasinya yang terletak tidak sampai lima kilometer dari kawasan pelancongan Hutan Rekreasi Ayer Keroh itu sekali gus memudahkan orang ramai datang berkunjung pada bila-bila masa.

Forest Stay yang dibangunkan oleh Kumpulan Melaka Berhad (KMB) menyediakan pelbagai jenis pilihan penginapan boleh disesuaikan dengan aktiviti yang ingin dijalankan termasuk perkhemahan, motivasi serta program jati diri.

Antara kemudahan penginapan disediakan di situ ialah tiga buah calet dan 24 buah dangau, amat sesuai untuk

boleh menempatkan seramai 24 orang pada satu-satu masa dengan kadar sewaan RM350 semalam bagi satu unit.

Bagi kumpulan yang mahu menyewa dewan makan juga terdapat dua buah kemudahan itu yang boleh disewa dengan harga antara RM100 dan RM150 satu hari.

Untuk menambahkan lagi keselesaan para pengunjung, Forest Stay juga menyediakan kemudahan lain seperti empat buah tandas, sebuah surau, sebuah padang, tempat permainan basikal lasak serta tangga kambing yang boleh menempatkan seramai 40 orang.

Selain daripada perkhemahan, pelbagai kemudahan di Taman Botanical ini boleh dimanfaatkan oleh para pengunjung seperti trek jogging, tempat senaman, aktiviti jungle tracking serta aktiviti memandu buggy.

Kesemua kemudahan disediakan bakal ditambah dari semasa ke semasa, menjadikan lokasi berkenaan serba lengkap dan sesuai untuk segala jenis aktiviti yang tidak terhad kepada perkhemahan dan kursus semata-mata.

Pengurus Forest Stay, Abdul Bahar Bahari berkata, pengalaman dan pengurusan baharu KMB yang baru mengambil alih hutan rekreasi itu diharapkan dapat menarik lebih ra-

mai pengunjung untuk merasai pengalaman berbeza bermalam di situ.

"Orang ramai dari dalam luar negeri ini serta pelancong luar harus datang sendiri untuk merasai pengalaman tinggal di hutan yang pertama seumpamanya di Melaka.

"Dengan pelbagai kemudahan yang disediakan, kami berharap agar ramai pengunjung akan berpuas hati dan dapat menjadikan Forest Stay sebagai pilihan utama masyarakat yang inginkan kelainan dan kedamaian," katanya ketika ditemui *Refleks* baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi KMB, Nordin Ali berkata, orang ramai yang berkunjung ke Forest Stay pasti dapat merasai suasana hutan semulajadi yang amat menenangkan tanpa gangguan.

"Pelbagai kemudahan penginapan yang disediakan seperti calet, da-

ngau dan asrama akan membuatkan orang ramai berasa selesa walaupun berada di dalam hutan.

"Mereka juga bebas untuk membuat pilihan jenis kediaman yang diinginkan bersesuaian dengan aktiviti yang mahu dijalankan sepanjang tempoh penginapan," katanya.

Menurutnya, pihaknya membangunkan kawasan itu setelah mengambil alih operasi dan pengurusan daripada Jabatan Perhutanan negeri.

Jelasnya, kos membaiki pulih segala kemudahan di Forest Stay menelan belanja sebanyak RM1.8 juta, melibatkan proses membaiki dan membangunkan tiga buah calet, 24 buah dangau, dua buah asrama, dewan makan, surau, tandas dan lain-lain.

"Segala kemudahan ini boleh digunakan sepenuhnya bermula 1 September lalu dan dibuka sepanjang hari termasuk pada cuti umum," katanya.

Orang ramai yang ingin berkunjung atau ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai kemudahan yang ada di Forest Stay, boleh menghubungi talian 06-232 7880 atau menghantar e-mel ke [info@kmb.com.my](mailto:info@kmb.com.my).



digunakan oleh mereka yang datang dalam kumpulan kecil serta individu.


Selain itu, terdapat juga kemudahan dua buah asrama dan tapak perkhemahan bagi aktiviti berkumpulan lebih besar, terutamanya kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT).

Harga yang ditawarkan juga amat berpatutan dengan pelbagai kemudahan serba lengkap yang terdapat di sekitar kawasan hutan tersebut bagi menjalankan pelbagai aktiviti.

Calet satu bilik yang lengkap dengan beranda dan bilik air hanya berharga RM150 bagi satu malam, manakala dangau yang terbahagi kepada jenis A dan B berharga antara RM35 hingga RM50 semalam.

Selain itu, tapak perkhemahan yang boleh memuatkan antara 500 hingga 700 orang pada satu-satu masa itu pula hanya dikenakan bayaran RM3 setiap satu orang bagi satu malam.

Terdapat juga dua buah asrama yang



**ORANG** ramai boleh beriadah dengan menunggang basikal di kawasan yang disediakan.

**TAPAK** perkhemahan yang disediakan oleh pengurusan Forest Stay yang terletak di Taman Botanical, Ayer Keroh.



**KEMUDAHAN** bagi penggemar sukan lasak turut dibangunkan.



**ANTARA** calet yang disediakan kepada pengunjung untuk merasai pengalaman tinggal di hutan.